

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 5 TAHUN 1973¹

**JENTERA PERUNDING BAGI PEKERJA-PEKERJA
DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM DAN
BADAN-BADAN BERKANUN**

Kerajaan telah memutus untuk menubuhkan jentera perundangan baru diperingkat Kebangsaan dan Jabatan seperti yang dibentangkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini. Jentera-jentera baru ini akan menggantikan Majlis-majlis Kebangsaan Whitley pekerja-pekerja Bahagian I-IV dan Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar, Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru-guru, Majlis-majlis Whitley Sabah dan Sarawak, Majlis-majlis Whitley Jabatan, Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan dan Majlis-majlis Bersama Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

Majlis Bersama Kebangsaan (National Joint Council)

2. Tiga Majlis Bersama yang berasingan diperingkat Kebangsaan akan ditubuhkan seperti berikut :

- (i) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran;
- (ii) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun termasuk Kuasa-kuasa Tempatan;
- (iii) Majlis Bersama Kebangsaan bagi Perkhidmatan Polis.

3. Kandungan ahli tiap Majlis tersebut, tujuan dan bidang kuasanya serta peraturan-peraturan mesyuaratnya adalah seperti yang terkandung didalam Perlembagaan masing-masing di Lampiran "A", "B" dan "C".

4. Tempuh perkhidmatan ahli-ahli bagi ketiga-tiga Majlis adalah selama 2 tahun dan buat permulaan tempuh ini akan bermula daripada tarikh satu-satu Majlis itu mengadakan mesyuaratnya yang pertama dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/pilih.

Majlis Bersama Jabatan (Departmental Joint Council)

5. Pada peringkat Jabatan, Majlis Bersama di Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah juga ditubuhkan, yang akan dikenali sebagai Majlis Bersama Jabatan.

6. Tempuh perkhidmatan ahli-ahli bagi tiap-tiap Majlis Bersama Jabatan adalah selama 1 atau 2 tahun yang mana difikirkan sesuai. Buat permulaan tempuh ini akan bermula daripada tarikh

satu-satu Majlis itu mengadakan mesyuaratnya yang pertama dan mereka boleh terus memegang jawatan tersebut sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dilantik/pilih.

7. Majlis-majlis Bersama Jabatan ini hendaklah ditubuh dengan seberapa segera yang boleh. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian Ketua-ketua Pejabat/Pihak-pihak bertanggungjawab Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan (selepas ini disebut sebagai Ketua Pejabat) adalah bertanggungjawab untuk menguruskan penubuhan Majlis-majlis tersebut dan mengadakan perlembagaan yang sesuai baginya. Contoh perlembagaan di Lampiran "D" hendaklah dipakai bagi maksud ini setelah diubahsuai mengikut keperluan masing-masing. Perlembagaan Majlis hendaklah mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum dikuatkuasakan.

8. Ketua-ketua Pejabat hendaklah memberitahu Jabatan Perkhidmatan Awam apabila Majlis Bersama Jabatan bagi Kementerian Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan mereka telah ditubuhkan dengan mengirim bersama nama ahli-ahlinya serta perlembagaan Majlis tersebut, dan selepas itu menghantar satu salinan Butir-butir Mesyuarat Majlis tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Perundingan dengan Majlis bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan

9. Oleh kerana bidang-bidang tugas Majlis-majlis Bersama Kebangsaan dan Jabatan adalah terbatas kepada perkara-perkara yang tertentu sahaja, maka perundingan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan bagi satu-satu gred atau satu-satu perkhidmatan akan dijalankan secara terus di antara Majlis bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan yang mempunyai bidang tugas seperti berikut dengan Kesatuan Sekerja atau Persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja dalam gred atau perkhidmatan yang berkenaan :

- (i) Menjadi penasihat kepada Kerajaan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan untuk pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran dan Badan-badan Berkanun termasuk Kuasa-kuasa Tempatan;
- (ii) Menyelenggarakan perundingan terus dengan kesatuan-kesatuan dan persatuan-persatuan kakitangan mengenai semua tuntutan yang datang dari mereka;
- (iii) Memutuskan dan jika perlu, mendapatkan keputusan Kerajaan di atas semua perkara mengenai syarat-syarat perkhidmatan dalam Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan;
- (iv) Memberi pengiktirafan kepada kesatuan-kesatuan dan persatuan-persatuan kakitangan selepas berunding dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

10. Sebelum apa-apa perundingan seperti yang dinyatakan di perenggan 9 dapat diadakan, Kesatuan Sekerja atau Persatuan Kakitangan yang berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapat

perakuan daripada Majlis Bagi Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bahawa Kesatuan atau Persatuan itu benar-benar mewakili golongan pekerja-pekerja yang terlibat dalam perundingan tersebut.

11. Jika terdapat sebarang pertikaian yang tidak dapat diselesaikan secara berunding di antara kedua-dua pihak, maka pertikaian tersebut hendaklah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan mengikut perbekalan di dalam Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 yang juga memperuntukkan bahawa rujukan ini hanya boleh diperbuat jika diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agung.

Harta-harta Majlis-majlis Whitley Kebangsaan, Majlis Polis dan Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru-guru

12. Segala harta-harta seperti mesin-mesin dan alat-alat serta perabot pejabat yang sekarang ini berada dalam kawalan Majlis-majlis Whitley Kebangsaan, Majlis Polis dan Majlis Bersama Kebangsaan bagi Guru-guru serta Majlis-majlis lama yang lain hendaklah diambil alih oleh Majlis-majlis yang akan menggantikan mereka kelak mengikut Pekeliling ini.

Pemansuhkan

13. Pekeliling ini adalah memansuhkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1970 dan segala peraturan dan perbekalan mengenai majlis-majlis perundingan dan jawatankuasa-jawatankuasa perhubungan kakitangan yang terdapat atau yang telah berkuatkuasa sebelum tarikh pengeluaran Pekeliling Perkhidmatan ini.

DATUK ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.**

2hb Februari, 1973.

CATATAN:

¹ Dibatalkan menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1979 mulai 3hb Mac, 1979.